

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	31 JAN 2015

Kerajaan tidak pinggirkan kaum India

um - 31/1/2015

KUALA LUMPUR 30 Jan. - Kerajaan tidak akan sesekali meminggirkan masyarakat India, sebaliknya berusaha untuk memastikan kaum minoriti itu terus maju bagi sama-sama mengecapi nikmat kemajuan negara ini.

Pada masa yang sama, kerajaan turut memberi jaminan bahawa bahasa serta kebudayaan kaum itu akan dilindungi dan hakikat tersebut terbukti menerusi bantuan kepada sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT).

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, masyarakat India sebenarnya telah banyak menyumbang kepada kemajuan negara sejak Malaysia mencapai kemerdekaan hasil daripada usaha dan dasar kerajaan.

Katanya, dalam aspek perundangan dan perubahan misalnya, kaum

India menyumbang 11.1 peratus tenaga kerja mahir yang diperlukan negara selain turut berjasa dalam bidang pendidikan, perniagaan serta sukan.

“Masyarakat India di Malaysia adalah anak-anak bumi Malaysia. Justeru, kerajaan akan sentiasa menjalankan tanggungjawabnya bukan sahaja untuk menjamin tetapi memastikan kesejahteraan warganegaranya.

“Transformasi masyarakat India merupakan perjalanan berterusan dan banyak lagi pencapaian penting perlu dicapai,” katanya sewaktu berucap merasmikan Persidangan Antarabangsa Pengajian Tamil Kesembilan di Universiti Malaya (UM) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Duta Khas Malaysia bagi Infrastruktur ke India dan Asia Selatan, Datuk Seri S. Samy Vellu; Timbalan Menteri Pen-

didikan II, P. Kamalanathan serta Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M. Saravanan.

Sepanjang persidangan selama empat hari itu, seramai 1,500 peserta dari 20 buah negara akan membentangkan kertas kerja masing-masing mengenai hala tuju pengajian Tamil.

Dalam pada itu, Najib berkata, kerajaan telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif untuk membantu masyarakat India menangani isu-isu yang melingkari kaum tersebut bagi memastikan mereka terus maju.

“Inisiatif ini termasuk Jawatankuasa Kabinet bagi Masyarakat India yang dipengerusikan saya demi untuk memastikan masyarakat ini maju sejajar dengan Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi,” katanya.